

Gaya Pembelajaran: Visual, Auditori dan Kinestetik

Faridah Mahadi¹, Mohd Razimi Husin¹, Nurulhuda Md Hassan¹

¹ Department of Educational Studies, Faculty of Human Development. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tanjong Malim, Malaysia.

Article History

Received:
21.01.2022

Revised:
03.03.2022

Accepted:
21.03.2022

*Corresponding Author:

Nurulhuda Md Hassan

Email:
nurulhuda.mh@fpm.upsi.
edu.my

This is an open access article,
licensed under: [CC-BY-SA](https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/)



Abstrak: Gaya pembelajaran adalah cara bagaimana pelajar menyerap dan menyusun maklumat yang diterima. Pendekatan gaya pembelajaran secara umum terbahagi kepada tiga aspek; visual, auditori dan kinestetik. Pertama, gaya visual, yang belajar paling berkesan ketika melihat pembelajaran dengan media gambar. Kedua gaya auditorial, yang berkesan belajar melalui suara yang didengar. Maka gaya pembelajaran pendengaran adalah gaya pembelajaran dengan mendengar. Pelajar dengan gaya pembelajaran ini lebih dominan menggunakan deria pendengaran ketika menjalankan proses pembelajaran dan pengajaran. Gaya pembelajaran visual suka kemahiran dan kemas, ingin bercakap pantas, suka membuat perancangan yang teliti untuk jangka masa depan, sangat terperinci dengan terperinci. Ketiga, gaya aktif, atau apa yang disebut pelajar kinestetik. Sementara itu, gaya pembelajaran kinestetik adalah dengan bergerak, menyentuh, dan bekerja. Mereka belajar dengan mengutamakan perasaan dan pergerakan fizikal mereka. Penerapan gaya pembelajaran ini dalam aktiviti pembelajaran telah menghasilkan pelbagai kesan positif dalam arena pendidikan.

Kata Kunci: Auditori, Gaya Pembelajaran, Kinestetik, VAK, Visual.

Learning Style: Visual, Auditory and Kinesthetic

Abstract: Learning style is the way how students absorb and compose the information received. The learning style approach is generally divided into three aspects; visual, auditory and kinesthetic. First, the visual style, which makes learning the most memorable when looking at learning with image media. Both styles are auditory, which impresses learning through the sound that is heard. Then the hearing learning style is a listening learning style. Students with this learning style are more dominant in using the sense of hearing when carrying out the learning and teaching process. Visual learning style likes skill and order, wants to speak quickly, likes to make careful plans for the future, and is very detailed in detail. Third, active style, or what is called a kinesthetic learner. Meanwhile, the kinesthetic learning style is by moving, touching, and working. They learn by prioritizing their feelings and physical movements. The application of this learning style in learning activities has produced various positive impressions in the educational arena.

Keywords: Auditory, Kinesthetic, Learning Style, VAK, Visual.



1. Pendahuluan

Kebelakangan ini, kaedah pengajaran dan pembelajaran yang meluas dipraktikkan adalah lebih berpusatkan murid. Ini bermaksud proses pembelajaran akan menitikberatkan minat, kebolehan dan kecenderungan untuk belajar. Tiada lagi ungkapan ‘satu untuk semua’. Tiada lagi satu teknik pengajaran yang boleh diguna pakai oleh semua pelajar. Dalam diri setiap pelajar wujud dengan sifat biologi dan psikologi yang berbeza. Oleh yang demikian wajar diambil kira gaya yang sesuai dengan mereka.

Gaya pembelajaran merupakan item yang sinonim dalam dunia psikologi pendidikan. Acap kali aspek ini digunakan bagi melihat hubungkait dan keserasinya dengan pembolehubah yang lain. Secara umumnya, gaya pembelajaran bahasa dapat ditafsirkan sebagai pendekatan yang umum untuk proses pembelajaran bahasa, sementara strategi pembelajaran bahasa adalah cara khusus yang dipilih oleh pelajar dalam usaha bagi menerima dan menyimpan maklumat bahasa.

2. Gaya Pembelajaran

Gaya pembelajaran menerangkan bagaimana cara seseorang individu menumpukan perhatiannya untuk memahami dan mengingati sesuatu maklumat atau kemahiran baru [1]. Selain itu, gaya pembelajaran juga merupakan cara seseorang individu bertindak balas terhadap dunia sekitarnya dan mengadaptasi gaya pembelajarannya dengan berinteraksi dengan persekitarannya. Manakala secara ringkasnya Steward & Felicetti [2], bersetuju untuk mentakrifkan gaya pembelajaran sebagai “satu keadaan pendidikan di mana murid-murid berupaya untuk belajar”. Jelas di sini kata kunci yang utama untuk menerangkan gaya pembelajaran adalah murid, minat dan belajar.

Kajian tentang gaya pembelajaran telah banyak dilakukan [3] [4] [5] [6] [7] [8] [9] [10] [11] [12] [13] [14] [15] [16] [17] [18] [19] [20] [21] [22] [23]. Gaya pembelajaran merupakan cara yang konsisten untuk bertindak balas dengan rangsangan dalam proses pembelajaran. Dengan erti kata lain, gaya pembelajaran tidak menekankan apa yang dipelajari oleh pelajar tetapi bagaimana pelajar itu memilih cara untuk memudahkan beliau untuk belajar. Penyesuaian diri antara gaya pembelajaran dengan aktiviti adalah amat penting bagi mengelakkan perasaan tidak berminat untuk belajar akibat kebosanan.

Pelajar hadir ke sekolah dengan pelbagai minat dan kecenderungan. Mereka akan lebih selesa belajar dalam situasi dan kondisi yang cenderung dengan jiwa mereka. Menurut Dunn & Dunn [1], sesetengah individu dapat belajar dengan berkesan dalam keadaan yang sejuk, senyap dan teratur. Ada pula yang hanya boleh belajar dengan kehadiran muzik. Kecenderungan murid tidak terhad kepada keadaan fizikal di sekitar mereka sahaja, ia meliputi apa sahaja yang boleh mempengaruhi keupayaan mereka untuk menerima maklumat baru. Sebagai contoh individu lain yang berada di sekelingnya juga turut mampu memberi impak dalam mencorak gaya pembelajaran yang diminatinya. Gaya pembelajaran boleh merujuk kepada teknik pembelajaran digemari oleh seseorang murid. Ada murid yang gemar cara belajar sendiri [24] [25]. Tidak mustahil ada pelajar yang lebih gemar belajar secara berkumpulan. Semua itu berkait rapat dengan pengalaman yang pernah dilalui oleh murid tersebut. Hal ini dipersetujui oleh Honey & Mumford [26], menurut mereka pengalaman individu akan menentukan sama ada individu tersebut itu gemar mencuba pengalaman yang baru, menjalankan refleksi atau mencuba idea-idea baru. Dengan itu, jelaslah gaya pembelajaran berkaitan dengan pengalaman seseorang.

Gaya pembelajaran merupakan satu teknik yang dipilih untuk pelajar mengikut kesesuaian dan kecenderungan mereka. Teknik atau gaya yang mereka pilih merupakan langkah bagi melaksanakan aktiviti berfikir, memproses maklumat dan memahami maklumat. Gaya pembelajaran digambarkan sebagai ciri-ciri, kekuatan dan kecenderungan individu menerima dan memproses maklumat. Menurut Chetty et al. [27] beberapa kajian menjelaskan bahawa pelajar yang mengaplikasi gaya pembelajaran mengikut kecenderungan mereka, belajar dengan lebih gembira dan mampu mendapat markah yang lebih tinggi dalam setiap ujian dibandingkan dengan mereka yang tidak mempraktikkan gaya pembelajaran. Ini menjelaskan bahawa gaya pembelajaran yang tepat mampu membantu pelajar untuk belajar dengan lebih seronok dan kurang tekanan. Apabila mereka berupaya menerima dan memproses maklumat dengan tenang dan gembira maka keputusan yang diterima juga adalah jauh lebih baik. Prasyaratnya pelajar harus memilih atau mengetahui gaya pembelajaran yang sesuai dengan kecenderungan mereka.

Gaya pembelajaran pelajar yang tepat bakal berupaya memainkan peranan utama dalam menjayakan proses pembelajaran. Ia bukan sekadar satu proses menerima maklumat baru sahaja,

bahkan ia berupaya mengadaptasi maklumat baru tersebut dalam kehidupan. Menurut Andaiyani & Said [28], guru sepatutnya mengetahui gaya pembelajaran pelajar dan kecerdasan emosi pelajar agar dapat mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran semasa dalam kelas. Pembelajaran tidak terhad kepada penambahan maklumat dan mengingat semula maklumat semata-mata, namun proses pembelajaran sepatutnya dapat membolehkan seseorang murid itu menguasai dan mengadaptasi sesuatu konsep yang diterima. Menurut Ajideh et al [29], pendekatan (gaya pembelajaran) yang digunakan oleh pelajar berupaya mengubah pengalaman belajar mereka dan ini merupakan cara yang optimum untuk mereka belajar lebih berkesan. Pengalaman ini berupaya untuk membimbing pelajar bagi mengenali gaya pembelajaran yang sesuai dengan kecenderungan mereka.

3. Klasifikasi Gaya Pembelajaran

Pada umumnya setiap individu menggunakan semua deria dalam proses bagi mendapatkan maklumat. Menurut Degeng & Marthen [30], gaya untuk belajar, cara untuk menumpukan perhatian, ingatan, tahap perkembangan minda dan kecerdasan setiap murid sangat berbeza. Secara asasnya gaya pembelajaran meliputi; bagaimana cara untuk mendapatkan maklumat dengan mudah dan berkesan dan bagaimana cara mengatur dan mengadaptasi maklumat tersebut. Teknik dan cara yang digunakan oleh murid dalam mengakses maklumat menjadi titik tolak pihak guru untuk menentukan strategi yang sesuai dipraktikkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. DePorter & Hernacki [31] menguraikan bahawa gaya pembelajaran adalah kombinasi dari proses menerima, menyusun dan mengolah maklumat. Berdasarkan cara yang digunakan individu dalam memproses maklumat terdapat tiga jenis gaya pembelajaran utama yang dominan. Klasifikasi gaya pembelajaran tersebut adalah visual (melihat), auditorial (mendengar), dan kinestetik (bergerak, bekerja, dan menyentuh). Kesemua ini melibatkan deria-deria utama yang ada pada setiap individu.

3.1. Visual

Individu yang cenderung dengan gaya pembelajaran visual adalah mereka yang gemar dengan huruf, visual, gambar rajah dan objek maujud. Selain daripada itu mereka yang cenderung dengan gaya pembelajaran ini gemar belajar dengan bantuan teks dan gambar.

Mereka perlu mencatat nota bagi memudahkan mereka mengingat pelajaran yang diajar oleh guru. Mereka juga cenderung menghasilkan nota dalam bentuk peta minda. Menurut kajian yang dijalankan oleh Masela & Subekti [32], mereka mendapati bahawa murid yang memiliki kecenderungan gaya pembelajaran visual ini gemar dan selesa belajar di dalam kelas yang mana guru menggunakan pelbagai bahan dalam bentuk visual. Prestasi keputusan peperiksaan mereka juga tinggi kerana mereka lebih mudah memahami pengajaran guru yang dizahirkan dalam bentuk visual.

Ciri-ciri pelajar yang memiliki kecenderungan gaya pembelajaran visual biasanya dapat dilihat menerusi beberapa petunjuk. Antaranya ialah mereka sering menyuarakan bahawa "...saya tidak boleh gambarkan ...", "... saya tidak akan lupa wajahnya ...", dan "... saya perlu lukis untuk lebih faham ...". Selain daripada itu ketika proses pembelajaran murid cenderung visual biasanya akan membuat lakaran semasa mencatat nota atau ketika mendengar guru memberi penerangan di dalam kelas. Mereka juga akan lebih memahami sesuatu penerangan jika penerangan tersebut disertakan dengan gambar. Bukan itu sahaja murid ini juga lebih selesa jika guru dapat menerangkan/ menyelesaikan sesuatu masalah beserta dengan tunjuk cara. Mereka akan mudah menerima, menyusun dan mengaplikasi segala jenis maklumat dalam bentuk visual.

Pelajar yang gemar belajar melalui teknik visual kebiasaannya cenderung meminati sesuatu berbentuk kemahiran seperti melukis, mewarna dan bertukang. Mereka juga merupakan individu yang menitikberatkan kekemasan dan bijak merancang untuk satu jangka masa yang panjang. Individu ini lebih mudah mengingat apa yang dilihat dari apa yang didengar. Oleh kerana itu, individu cenderung visual biasanya bijak menjaga penampilan diri kerana bagi mereka apa dilihat lebih penting dari apa yang dikatakan. Namun begitu menurut Rahayu & Firman [33], individu yang menjurus ke arah visual ini mudah hilang fokus. Ini berlaku apabila mereka perlu berucap secara spontan. Mereka merupakan seseorang yang mampu berucap tetapi tidak begitu bijak dalam memilih kata untuk diucapkan dalam keadaan spontan.

3.2. Auditori

Gaya pembelajaran auditori merupakan cara pembelajaran yang menekankan fungsi pendengaran. Individu ini lebih dominan menggunakan deria pendengaran mereka. Seseorang individu yang

cenderung dengan pendekatan ini perlu mengingatkan penerangan melalui bacaan kuat atau menggerakkan bibir ketika mempelajari sesuatu. Menurut Vijaya & Zanaton [34], individu ini juga mempunyai daya pendengaran yang hebat dan ini merupakan kekuatan untuk mereka. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar yang cenderung dengan pembelajaran ini akan mengukuhkan ingatan dalam mendengar semula rakaman pita audio. Mereka juga gemar mengajar rakan-rakan sebaya lain yang mana dengan cara ini mereka mampu mendengar kembali maklumat yang disampaikan kepada rakan-rakan.

Murid cenderung auditori dapat belajar dengan berkesan dengan cara lisan. Mereka sering menggunakan audio (suara guru) sebagai input terbaik untuk menerima dan memproses maklumat. Mereka dapat memahami maklumat yang disampaikan melalui audio dengan baik melalui kepantasan, penekanan dan nada audio tersebut [35][36]. Salah satu pendekatan yang serasi dengan mereka ialah dengan membaca dengan suara yang kuat di dalam kelas. Menurut Pritchard [37], individu yang gemar cara audio ini dapat belajar dengan afektif daripada sesi temubual, perbincangan dan bercerita. Pendapat ini disokong oleh Oluremi [38] dengan menyatakan bahawa jika seseorang pelajar auditori ini ingin mengingati semula memori mereka memadai hanya dengan mendengar individu lain bercakap atau mengulangi semula maklumat tersebut dan dengan mudah mereka mampu mengingati maklumat itu kembali. Ini adalah kerana mereka belajar dengan berkesan dengan cara interaksi dengan dengan individu lain melalui mendengar dan bertutur. Selain daripada itu mereka juga gemar membaca dengan suara yang perlahan apabila melakukan aktiviti membaca, membaca secara diam (di dalam hati) merupakan cara yang tidak digemari oleh mereka. Ini adalah kerana mereka perlu mendengar apa yang dibaca. Mereka hebat dalam menyimpulkan apa yang telah dibaca secara lisan kerana dengan cara itu mereka mampu memahami dan mengingati maklumat dengan baik.

Individu atau pelajar yang cenderung dengan gaya pembelajaran berbentuk auditori dapat dikenalpasti dengan beberapa ciri. Antara ciri-ciri yang jelas dilihat adalah mereka biasanya petah berkata, mempunyai kemahiran pengucapan awam yang baik, kemahiran mendengar yang baik, cemerlang dalam prestasi ujian secara lisan dan memiliki kemahiran bersosial yang tinggi [39]. Atas ciri-ciri tersebut, murid yang selesa dengan gaya pembelajaran dominan kepada auditori akan lebih fokus kepada apa yang diucapkan oleh guru berbanding dengan alat-alat bantu mengajar yang lain. Mereka yakin bahawa proses menerima maklumat yang terbaik adalah melalui deria pendengaran. Oleh sebab yang demikian mereka akan mudah terganggu dengan bunyi-bunyi bising yang lain ketika mereka belajar. Ini adalah kerana deria pendengaran mereka tidak dapat memberi tumpuan jika terdapat bunyi-bunyi lain yang mengganggu.

Pelajar cenderung auditori mudah dikenalpasti dengan ciri-ciri tertentu. Antara ciri-ciri yang ketara dalam kalangan mereka adalah sering bertutur secara perlahan, gemar menyentuh sesuatu terutama objek yang baru ditemui, gemar bergerak, apabila membaca mereka selesa menggunakan jari untuk menunjuk ke arah setiap perkataan yang dibaca dan gemar menggunakan isyarat badan dalam menyampaikan sesuatu maksud [40]. Pada kebiasaannya murid auditori mempunyai tulisan tangan yang tidak begitu kemas. Mereka gemar pembelajaran yang mempunyai unsur permainan (*game*) kerana aktiviti pembelajaran begini memerlukan mereka aktif bergerak.

Terdapat beberapa pendekatan yang sesuai diadaptasikan oleh guru khusus untuk pelajar auditori ini. Antaranya adalah dengan teknik pengulangan. Teknik pengulangan cara yang terbaik bagi murid auditori kerana dengan teknik pengulangan mereka dapat memahami sesuatu maklumat. Sesuatu maklumat yang dituturkan berulang kali dapat meningkatkan kefahaman murid tentang sesuatu maklumat. Pelajar auditori juga gemar menerima maklumat baru dengan cara perbincangan dan perbualan kerana ini dapat membantu mereka mengembangkan potensi diri mereka. Kerja kumpulan yang melibatkan interaksi sosial merupakan sesuatu yang diminati oleh pelajar cenderung auditori.

3.3. Kinestetik

Gaya pembelajaran kinestetik adalah pembelajaran menjurus ke arah belajar melalui pergerakan. Individu yang mengamalkan jenis pembelajaran ini, memerlukan bahan-bahan pembelajaran yang konkrit untuk membantu mereka mengingati sesuatu. Selain itu, mereka gemar menyentuh objek kerana mereka suka sesuatu yang dapat memberi pengalaman yang realiti kepada mereka.

Sebagai contohnya, semasa mata pelajaran Sains, guru membawa murid-murid keluar dari kelas dan pergi ke taman dalam kawasan sekolah. Para pelajar sendiri diberi peluang menyentuh dan merasai objek-objek yang ada di taman tersebut. Selepas itu, terdapat beberapa orang murid dapat

melukis bentuk bunga yang disentuh tadi, maka pelajar tersebut merupakan cenderung pembelajaran kinestetik.

Murid kinestetik yakin mereka dapat belajar berkesan dengan cara mereka bergerak, menyentuh dan bekerja. Oleh sebab yang demikian mereka akan cuba buat yang terbaik apabila diberi tugas dalam cara ini [41]. Mereka akan cepat merasa bosan bila cuma berada di dalam kelas dengan pergerakan yang minimum. Pelajar kinestetik gemarkan situasi pembelajaran di mana mereka bebas bergerak serta bebas meneroka. Menurut Oluremi [38] murid ini lebih selesa belajar di luar bilik darjah di mana mereka rasa lebih 'bebas'. Adalah satu penyiksaan buat mereka apabila diminta hanya duduk dan mendengar apa yang disampaikan guru. Ini adalah kerana mereka akan mudah menyerap maklumat dalam keadaan mereka sedang bergerak. Oleh sebab itu mereka akan bergerak dalam usaha untuk mengingati sesuatu maklumat [42]. Mereka akan tertarik pada proses pembelajaran yang melibatkan banyak aktiviti pergerakan.

4. Implikasi Gaya Pembelajaran dalam Aktiviti Pembelajaran

Pendedahan awal berkenaan konsep gaya pembelajaran adalah penting terutama bagi mereka yang terlibat secara langsung dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks pendidikan guru merupakan individu yang menguasai aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu guru seharusnya peka terhadap gaya pembelajaran yang dimiliki oleh murid dalam kelas. Ini bertujuan membantu guru merangka dan merancang pengajaran yang lebih berkesan. Selain daripada itu, juga dapat membantu guru menjadi lebih sensitif terhadap perbezaan kecenderungan yang dimiliki oleh muridnya.

Sebagaimana yang kita maklum, gaya pembelajaran penting kerana ia berupaya membantu guru mencipta pengalaman dan menjadi satu panduan untuk mencipta pengajaran yang sesuai bagi pelajar-pelajar. Selepas guru mengenali gaya pembelajaran yang diminati oleh murid dalam kelas, aktiviti yang dirancang juga akan menepati gaya pembelajaran pelajar. Dengan ini juga dapat meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Walaupun Newton & Salvi [43] ada menyatakan bahawa terdapat beberapa dapatan kajian yang membuktikan bahawa cara pengajaran yang menepati gaya pembelajaran pelajar tidak menjamin prestasi pelajaran yang baik. Namun kita cuba lihat kejayaan dari sudut kegembiraan murid ketika mereka mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran yang mengikut minat mereka. Kepuasan dan kegembiraan murid tersebut mungkin tidak dizahirkan menerusi keputusan peperiksaan mereka. Keputusan yang ini dapat dilihat pada satu jangka masa yang panjang, bukan sekadar dalam jangka masa 5-6 tahun. Itulah 'keputusan' yang terbaik yang dinantikan oleh setiap guru.

Setiap pelajar mempunyai kecenderungan cara belajar yang tersendiri. Mungkin ada dalam kalangan mereka mempunyai lebih daripada satu gaya pembelajaran. Oleh yang demikian, selepas mengenalpasti kecenderungan setiap orang pelajar, guru boleh merangka aktiviti yang sesuai bagi setiap murid. Adalah mustahil di dalam satu aktiviti guru dapat menyediakan aktiviti yang menepati minat setiap orang pelajar. Cara yang mudah ialah dengan membahagikan murid mengikut kecenderungan mereka. Guru boleh membahagikan mereka mengikut tiga kumpulan utama iaitu visual, auditori dan kinestetik secara homogen. Selain daripada itu mereka juga boleh dikumpulkan dalam kumpulan heterogen di mana di dalam kumpulan itu mereka akan melakukan tugas mengikut minat dan kecenderungan mereka.

Selain itu, pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran yang pelbagai akan mendapat pencapaian akademik yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan murid yang hanya mempunyai satu atau dua gaya pembelajaran sahaja. Hal ini adalah kerana, pelajar yang cenderung lebih dari satu gaya pembelajaran lebih fleksibel dalam mengikut proses pembelajaran. Mereka juga boleh mengubah minat selarasnya aktiviti yang dijalankan oleh guru.

Dapat kajian lampau banyak menyatakan gaya pembelajaran pelajar lelaki dan perempuan adalah tidak sama atau berbeza, namun kajian yang terkini mendapati bahawa gaya pembelajaran pelajar lelaki dan perempuan tidak banyak bezanya. Menurut dapatan kajian oleh Ibrahim [44], pelajar lelaki dan perempuan kini lebih mengemari gaya pembelajaran berbentuk kinestetik. Mereka gemar aktiviti yang berpusatkan pelajar dan aktiviti pembelajaran yang aktif. Dapatan ini disokong oleh Irshad et al [45], yang mana beliau mendapati gaya pembelajaran kinestetik merupakan gaya pembelajaran yang diminati oleh kedua-dua jantina. Menurut kajian beliau gaya pembelajaran seterusnya yang diminati oleh para pelajar ialah gaya auditori. Bagi gaya auditori ia melibatkan seramai 91% pelajar perempuan dan 78% pelajar lelaki. Dapatan ini selari dengan dapatan kajian lampu yang banyak menyatakan pelajar perempuan cenderung untuk lebih gemar membaca dibandingkan dengan pelajar lelaki.

Menurut Hamidon [46] perbezaan dan persamaan gaya pembelajaran ini wujud atas faktor lain seperti latar belakang keluarga, tempat tinggal dan pengalaman. Selaras dengan itu guru perlu bijak merancang dalam masa yang sama tidak menegnegipkan faktor-faktor sampingan lain yang bakal mempengaruhi minat pelajar untuk terlibat aktif dalam aktiviti pembelajaran.

5. Kesimpulan

Mengetahui tentang kecenderungan seseorang pelajar bukan semata-mata untuk menjadikan beliau seorang yang bijak tetapi, dengan mengetahui kecenderungan mereka guru-guru boleh lebih bersedia dalam merancang aktiviti pembelajaran yang lebih menarik dan berkesan. Setiap pelajar mempunyai cara mereka yang tersendiri untuk terlibat dalam proses pembelajaran. Cara setiap dari mereka kadang kala unik dan sukar ditafsirkan. Jika guru berjaya menjalankan aktiviti selaras dengan kecenderungan pelajar maka ia akan meningkatkan daya fokus, tumpuan dalam proses pembelajaran.

Kesimpulannya, kedua-dua pihak guru dan pelajar harus seiringan dalam menjanjikan satu impak yang positif pada akhir proses pembelajaran. Pembelajaran merupakan aktiviti yang memerlukan perhubungan secara dua hala secara konsisten.

Rujukan

- [1] R. Dunn and K. Dunn, *Teaching Unsurtary Students through Their Individual Learning Styles: Practical Approaches For Grades 3-6*. United States of America: Allyn and Bacon, 1992.
- [2] K. L. Stewart and L. A. Felicetti, "Learning Styles of Marketing Majors," *Educational Research Quarterly*, vol. 15, no. 2, pp. 15-23, Apr 1992.
- [3] J. M. Asio, "Sources of Information, Training Needs, Preparation and Response to Disaster of Selected Communities in Central Luzon, Philippines", *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, vol. 4, no. 1, pp. 30-38, Jun. 2021.
- [4] N. F. Mat Daud, N. A. S. Mat Yusoff, N. H. Mohd Azmi, S. Z. K. Mohd Asri, N. Z. Manisha Zaidi, and M. R. Husin, "Kerja Sambilan Mempengaruhi Ketidakhadiran Pelajar Tingkatan 3", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 2, pp. 67-79, Aug.
- [5] J. M. R. Asio, "The Relationship between Academic Procrastination and Academic Performance of Freshmen Students from a Teacher Education Institution", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 2, no. 3, pp. 105-115, Dec. 2020.
- [6] M. Farhan, S. M. Hamil, N. N. Azmi, N. U. J. Roslid, N. N. Zainal, N. B. Kamaruddin, N. I. Hamizi, N. Z. Ismawi, M. R. Husin, "Masalah Pembelajaran untuk Pelajar Pendidikan Khas: Dana dan Prasarana", *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, vol. 3, no. 1, pp. 1-10, Jun. 2020.
- [7] S. N. Mail and L. F. Md Ibharim, "Pengaruh Sikap Terhadap Pelajar di UPSI Apabila Menggunakan Aplikasi Permainan Atas Talian", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 2, no. 3, pp. 82-87, Dec. 2020.
- [8] Z. Mohd Adnan and J. Hamid, "Kesan Model Polya Dalam Pembelajaran Algoritma Dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Kes", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 2, no. 3, pp. 88-92, Dec. 2020.
- [9] N. Laili, S. E. Purwanto, and F. Alyani, "Pengaruh Model Penemuan Terbimbing Berbantu LKPD terhadap Kemampuan Pemahaman Konsep Matematis Siswa SMPN 6 Depok", *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, vol. 2, no. 1, pp. 14 - 37, Jun. 2019.
- [10] N. M. Hassan, N. A. N. F. M. Noor, Y. Thasarathan, Q. N. Zainudin, N. S. A. Zainur, Nurul R. N. M. Rizuaden, N. A. M. Fauzi, N. Tumin, N. A. S. M. Jefri, "Perspektif Guru Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Pelajar", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 2, pp. 50-56, Aug. 2021.
- [11] A. Ismail, N. Z. Mohamed Zain, and H. Mat Zin, "A Simple Survey on Attitude of Computer Science Diploma Students towards STEM", *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, vol. 2, no. 2, pp. 76 - 88, Dec. 2019.
- [12] N. Abdul Rahim, N. A. Meor Fadzir, N. A. H. Zaimal, F. F. Arias Yahaya, Z. I. Zainol, and M. R. Husin, "Implikasi Gaya Pembelajaran Koperatif Subjek Sains Bagi Murid Tahap Dua di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Rawang", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 2, pp. 57-66, Aug. 2021.

- [13] L. Hernandez, "Strengths and Challenges of Distance Learning Modalities in the New Normal: Basis for Intervention Program", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 2, pp. 80-87, Aug. 2021.
- [14] M. Z. Mohd Nawi and M. A. Mohamed Noor, "Meningkatkan Kemahiran Mengingat Lima Hukum Asas Tajwid Dalam Tilawah Al-Quran", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 1, pp. 23-32, Apr. 2021.
- [15] N. Laili, "Hubungan Adversity Quotient dan Hasil Belajar Matematika Peserta Didik dalam Pembelajaran Jarak Jauh di SMP", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 1, pp. 33-39, Apr. 2021.
- [16] Nur Syazlina Hanim, Jasmine Anak Jang, Nur Hana Afifa Jamal, Florance Duya Low, Salina Rentap, Nicorsons Anak Fabian, Gilbert Anak Gordion, Mohd Razimi Husin, "Pelajar Berkecerdasan Tinggi dalam Kalangan Pelajar Kelas Rancangan Khas", *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, vol. 2, no. 1, pp. 1 - 13, Jun. 2019.
- [17] C. Ifeakor, and A. I. Odo, "Analysis of the Marxist Theory on the Abolition of State: Its Implication to Nigeria Educational System", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 2, no. 2, pp. 62-68, Aug. 2020.
- [18] N. M. Shahril Khuzairi, M. S. Sidhu, and Z. Che Cob, "Learning Analytics and Teaching Analytics: The Similarities and Differences", *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, vol. 3, no. 2, pp. 52-58, Dec. 2020.
- [19] T. Tripura, "Issues and Challenges Faced by the Indigenous Students of Tripura in Primary-level to Higher Education: An overview", *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, vol. 3, no. 2, pp. 59-67, Dec. 2020.
- [20] R. Hashim and M. H. Mohamad Yatim, "Hubungan Antara Motivasi dan Penerimaan Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Pembelajaran Menggunakan M-Pembelajaran di Kolej Vokasional", *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, vol. 2, no. 2, pp. 89 - 94, Dec. 2019.
- [21] M. Mansor, W. A. Wan Adnan, and N. Abdullah, "A Step-by Step Process in Designing Personalized Reading Content for Slow Learner Children", *International Journal of Humanities, Management and Social Science*, vol. 2, no. 2, pp. 95 - 102, Dec. 2019.
- [22] A. D. Pyle, *ADHD Focused Homework Intervention*. San Francisco: University of the Pacific, 2009.
- [23] M. R. Husin, N. M. Hassan, V. Y. Z. Sheng, A. S. M. Tormizi, N. S. A. Zulkapli, M. George, R. Rosli, N. I. R. A. M. Hishamuddin, N. S. Shaharudin, C. S. Adampai, "Perspektif Guru Terhadap Pembelajaran Pelajar Remaja", *Journal of Humanities and Social Sciences*, vol. 3, no. 1, pp. 40-49, Apr. 2021.
- [24] C. H. Peterson, "Predation, Competitive Exclusion, and Diversity in the Soft-Sediment Benthic Communities of Estuaries and Lagoons", in *Ecological Processes in Coastal and Marine System*, pp. 233-264, Springer: Boston, 1979.
- [25] D. V. Steward, "The design structure system: A method for managing the design of complex systems," *IEEE transactions on Engineering Management*, no. 3, pp. 71-74, 1981.
- [26] J. Caple and P. Martin "Reflections of Two Pragmatists: A Critique of Honey and Mumford' s Learning Styles," *Industrial and Commercial Training*, 1994.
- [27] N. D. S. Chetty, L. Handayani, N. A. Sahabudin, Z. Ali, N. Hamzah, N. S. A. Rahman and S. Kasim, "Learning Styles and Teaching Styles Determine Students' Academic Performances," *International Journal of Evaluation and Research in Education*, vol. 8, no. 4, pp. 610-615. [Online] Available: 10.11591/ijere.v8i3.20345 [Accessed On: 2019].
- [28] A. A. B. Ahmad and A. S. B. Ambotang, "The Influence of Emotional Intelligence, Spiritual Intelligence and Family Environment Toward Academic Stress Among Students in Outskirt Area of Tawau in Sabah," *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, vol. 5, no. 5, pp.12-23, 2020.
- [29] P. Ajideh, M. Zohrabi, M. Poulvar. "The Effect of Explicit Instruction of Metacognitive Reading Strategies on ESP Reading Comprehension in Academic Settings," *International Journal of Applied Linguistic & English Literature*. vol. 7, no. 4, 2018.
- [30] I. N. S. Degeng and P. Marthen, "Model pembelajaran Berorientasi Pengembangan Kecerdasan Emosi di Sekolah Dasar: Faktor-faktor Yang Berpengaruh Dalam Rancangan Pembelajaran,"

- Laporan Riset Unggulan Terpadu VIII Bidang Dinamika Sosial, Ekonomi dan Budaya. Kementerian Riset dan Teknologi Republik Indonesia, 2002.
- [31] B. DePorter and M. Hernacki, "Quantum Learning: Membiasakan Belajar Nyaman dan Menyenangkan," (terjemahan Alwiyah Abdurrahman). Bandung: Kaifa (Buku asli diterbitkan tahun 1992. New York: Dell Publishing), 2002.
- [32] M. Masela and A. S. Subekti, "Auditory and kinaesthetic learning styles and L2 achievement: A correlational study. Englisia," *Journal of Language, Education, and Humanities*, vol. 8, no. 2, pp. 41-53, 2021. [Online] Available: 10.22373/ej.v8i2.7529. [Accessed: 2021].
- [33] B. DePorter and M. Hernacki, "*Quantum Learning: Membiasakan Belajar Nyaman dan Menyenangkan*", (terjemahan Alwiyah Abdurrahman). Bandung: Kaifa (Buku asli diterbitkan tahun 1992. New York: Dell Publishing), 2002.
- [34] V. Sengodan & H. I. Zanaton, "Students' Learning Styles and Intrinsic Motivation in Learning Mathematics," *Asian Social Science*, vol. 8, no. 16, 2012.
- [35] A. P. Gilakjani, "Visual, auditory, kinaesthetic learning styles and their impacts on English language teaching," *Journal of Language, Education, and Humanities*, vol. 8, no. 2, pp. 53, 2012. [Online] Available: 10.5296/jse.v2i1.1007. [Accessed: 2012].
- [36] A. P. Gilakjani and S. M. Ahmadi, "The effect of visual, auditory, and kinaesthetic learning styles on language teaching," *International Conference on Social Science and Humanity*, vol. 5, no. 469-472, 2011. [Online] Available: 10.1111/j.1461-0248.2011.01660. [Accessed: 2011].
- [37] H. D. Pritchard, R. J. Arthern, D. G. Vaughan, and L. A. Edwards, "Extensive dynamic thinning on the margins of the Greenland and Antarctic ice sheets," *Nature*, vol. 461, no. 7266, pp. 971-975, 2009.
- [38] F. D. Oluremi, "Learning styles among colleges students," *International Journal for Cross-Disciplinary Subjects in Education*, vol. 5, no. 4, pp. 2631-2640, 2015.
- [39] A. Darmono, "Identifikasi Gaya Kognitif (Cognitive Style) Peserta Didik dalam Belajar," *Al. Mabsut*, vol. 3, no. 1, pp. 6, 2012.
- [40] H. Altun and O. Serin, "Determination of learning styles and achievements of talented students in the fields of Science and Mathematics," *Cypriot Journal of Educational Sciences*, vol. 14, no. 1, pp. 80-89, 2019. [Online] Available: 10.18844/cjes.v14i1.3441. [Accessed: 2019].
- [41] A. Kurniati and A. W. Sari, "Analisis Gaya Belajar Siswa Pada Mata Pelajaran Bahasa Indonesia Kelas V," *Jurnal Pendidikan Dasar Perkhasa*, vol. 5, pp. 1-19, April 2019.
- [42] Z. Dornyei, "The psychology of the language learner: Individual differences in second language acquisition," Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum, 2005.
- [43] P. M. Newton and A. Salvi, "How common is belief in the learning styles neuromyth, and does it matter? A pragmatic systematic review," *Frontiers in Education*, vol. 5, no. 602451, pp. 1-14. 10.3389/educ.2020.602451, 2020.
- [44] A. S. Ibrahim, "Gender and Learning Style in Saudi Arabia School," *The Clute Institute International Academic Conference*. King Abdulaziz University, Saudi Arabia, 2014.
- [45] A. Irshad, M. Sher, M. S. Faisal, A. Ghani, M. Hassan and S. Ashraf, "A Secure Authentication Scheme for Session Initiation Protocol by Using ECC On the Basis of The Tang and Liu Scheme," *Security and Communication Networks*, vol. 7, no. 8, pp.1210-1218, 2014.
- [46] N. A. Hamidon, "Study on Students Learning Style According to Gender factor," *J. Cult. Soc. Dev.*, vol. 8, pp.20-22, 2015.